



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 30 JULAI 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	PERLIS CAPAI 37.7 PERATUS KADAR VAKSINASI, HAMPIRI FASA TIGA PPN, ASTRO AWANI -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	PERAK PERUNTUK RM300.000 UNTUK TANGANI LAMBAKAN DURIAN, BERNAMA.COM -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
3.	FAMA BANTU PASARKAN TIMUN, HARIAN METRO -ONLINE	
4.	KERAJAAN PERAK MEMPERUNTUKKAN RM300,000 ATASI LAMBAKAN BUAH, HARIAN METRO -ONLINE	
5.	RM300,000 DIPERUNTUKKAN TANGANI LAMBAKAN DURIAN, NEGERI P. PINANG, PERLIS, PERAK, SINAR HARIAN -28	
6.	FAMA KELANTAN BANTU PASAR SAYURAN, LOKAL, HARIAN METRO -17	
7.	DURIAN MURAH AKIBAT MUSIM, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA -24	
8.	FAMA PASARKAN TIMUN DIUSAHAKAN DUA BERADIK, NASIONAL, BERITA HARIAN -14	
9.	PERAK SEDIA RM300,000 BANTU PEKEBUN, NASIONAL, BERITA HARIAN -14	
10.	'SUDAH 30 TAHUN MASALAH LALAT 'SERANG' KAMPUNG KAMI', DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA -27	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
11.	'NAK SUAP NASI, LALAT MASUK DULU' NEGARA, KOSMO -14	
12.	LEBIH 30 TAHUN PENDUDUK BERDEPAN 'SERANGAN' LALAT, NASIONAL, BERITA HARIAN -17	
13.	PULAU PINANG KEMBANGKAN PUSAT NELAYAN UNTUK BANTU RAKYAT, NASIONAL, SINAR HARIAN -11	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30.07.2021	ASTRO AWANI	ONLINE	

PERLIS CAPAI 37.7 PERATUS KADAR VAKSINASI, HAMPIRI FASA TIGA PPN



KANGAR: Seramai 37.7 peratus penduduk dewasa berumur 18 tahun ke atas di Perlis sudah melengkapkan dua dos suntikan vaksin setakat semalam dan negeri itu dijangka memasuki Fasa Tiga Pelan Pemulihan Negara (PPN) dalam tempoh seminggu lagi, kata Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis, Azman Mohd Yusof.

"Perlis tidak lama lagi akan beralih kepada Fasa Tiga PPN, namun perkara tersebut akan dibentangkan dalam mesyuarat khas Majlis Keselamatan Negara (MKN) yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri kelak," katanya kepada Bernama di sini, hari ini.

Menurut Azman, tahap pematuhan janji temu pemberian vaksin di negeri itu sangat baik dan kewujudan dua pusat pemberian vaksin (PPV) di Dewan 2020, Kangar dan Dewan Sri Melati di Beseri selain PPV bergerak yang digerakkan di seluruh Perlis membolehkan rakyat negeri itu menerima vaksin dengan lebih cepat.

Kerajaan menetapkan vaksinasi dua dos perlu mencapai kadar 40 peratus daripada penduduk dewasa berumur 18 tahun ke atas, penggunaan unit rawatan rapi (ICU) pada tahap selamat dan kes harian COVID-19 berada di bawah angka 2,000 bagi mebolehkan Fasa Dua PPN beralih ke Fasa Tiga.

Perlis merupakan antara lapan negeri yang telah beralih ke Fasa Dua PPN setakat ini selain Perak, Pahang, Kelantan, Terengganu, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak.

Terdahulu, Azman menerima sumbangan 200 kit makanan menerusi program 'MAFI PRIHATIN' berupa buah-buahan tempatan daripada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) yang akan disampaikan kepada petugas barisan hadapan di PPV negeri ini.

Azman berkata inisiatif itu adalah program Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bagi menghargai pengorbanan petugas barisan hadapan yang masih berperang membendung penularan COVID-19.

"Ini adalah kali ketiga program sebegini kita jalankan kerana nak pastikan petugas barisan hadapan kita terus bersemangat," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30.07.2021	BERNAMA.COM	ONLINE	

Perak peruntuk RM300,000 untuk tangani lambakan durian



BAGAN SERAI, 29 Julai – Kerajaan negeri Perak memperuntukkan RM300,000 untuk membeli durian bagi membantu pekebun yang terjejas dengan lambakan buah itu di negeri ini, kata Pengerusi Jawatankuasa Perlindungan, Pertanian dan Industri Makanan negeri Razman Zakaria.

Beliau berkata langkah itu perlu kerana harga durian mengalami penurunan ketara selain setiap negeri mempunyai musim buah-buahan serentak menyebabkan peluang pasaran buah-buahan termasuk durian terjejas akibat kawalan pergerakan.

"Kita membantu pekebun dengan membeli buah-buahan itu (di beberapa lokasi) secara minimum kerana harga durian jatuh hingga RM1.50 sekilogram menyebabkan pekebun terjejas," katanya pada sidang media selepas menyerahkan kotak makanan kepada penduduk di Apartment Tropicana Bukit Merah yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) sejak 17 Julai lepas hingga esok.

Razman berkata inisiatif bantuan pembelian durian tersebut dilakukan terutamanya di kawasan sumber bekalan durian yang terjejas dengan PKPD.

Beliau berkata Pusat Khidmat Dewan Undangan Negeri Gunung Semanggol juga akan membeli lima tan durian di beberapa kawasan seperti di Trong, Bukit Gantang untuk diedarkan di sekatan jalan raya (SJR) di negeri ini bagi menghargai petugas barisan hadapan.

Sebelum ini dilaporkan, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) turut membeli lapan tan durian di Ipoh, Larut bagi mengatasi lambakan durian.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30.07.2021	HARIAN METRO	ONLINE	

FAMA BANTU PASARKAN TIMUN



Nora (tengah) ketika meninjau gerai jualan durian di Kota Bharu.

Kota Bharu: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Kelantan akan membantu memasarkan hasil lambakan timun batang yang diusahakan dua beradik di Pasir Mas, melalui Pusat Operasi FAMA bermula hari ini.

Pengarah FAMA Kelantan, Wan Nora Wan Ahmad berkata, langkah itu diambil bagi membantu pengusaha timun batang yang buntu susulan berlaku lambakan sayur berkenaan sejak kebelakangan ini. Katanya, FAMA turut mengatur pasaran bagi menemukan pemborong swasta dengan pengeluar selain menyediakan ruang pasaran di outlet peruncitan agar pengeluar dapat memasarkan sendiri hasil pertanian mereka.

"Selain itu, pengusaha timun batang terbabit diminta membuat laporan awal sekiranya berlaku lebihan hasil kepada pihak FAMA bagi mengatasi masalah ini. "Sementara itu, terdapat juga pemborong sayur dari negeri lain yang menghubungi FAMA untuk membeli hasil tani daripada pekebun. Jadi, pihak kami dapat mengatur supaya pasaran timun batang dapat diperluaskan. "Pihak FAMA turut mengemukakan senarai pemborong sayur-sayuran di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Tunjong yang berpotensi selain menggalakkan usahawan berdaftar di dalam Program Ladang Kontrak MAFI 2.0," katanya dalam satu kenyataan media, hari ini.

Semalam, akhbar melaporkan dua beradik, Nik Azrin Nik Yaakub, 29, dan abangnya, Nik Izani Nik Yaakub, 46, yang juga pengusaha timun batang, buntu selepas terpaksa membuang 1.5 tan hasil tanamannya setiap hari susulan berlaku lambakan dan tiada permintaan sayur berkenaan di pasaran. Mengulas lanjut, Wan Nora berkata, siasatan juga mendapati isu itu turut berlaku susulan Covid-19 dalam kalangan pemborong di RTC, manakala pasaran di Lembah Klang perlahan disebabkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

Sementara itu, Nik Azrin, ketika dihubungi berkata, mereka bersyukur kerana masalah mereka mendapat perhatian pihak Fama selain berterima kasih kerana sudi memasarkan lambakan timun batang di kebun mereka. "Kami turut menerima panggilan beberapa individu yang menyatakan hasrat membeli timun batang ini dalam kuantiti yang banyak selepas membaca artikel di akhbar. "Diharap dengan bantuan FAMA, ia dapat melariskan jualan timun batang kerana kami juga sedih untuk melihat hasil dibuang begitu sahaja," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30.07.2021	HARIAN METRO	ONLINE	

KERAJAAN PERAK MEMPERUNTUKKAN RM300,000 ATASI LAMBAKAN BUAH



Bagan Serai: Kerajaan negeri memperuntukkan RM300,000 bagi membantu pekebun yang mengalami masalah lambakan buah-buahan di Perak.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Perladangan dan Industri Makanan Perak, Razman Zakaria berkata, memandangkan musim buah-buahan khususnya durian berlaku serentak seluruh negeri, kerajaan negeri bersimpati dengan nasib pekebun yang mengalami kesukaran untuk memasarkan hasil mereka.

"Hampir setiap negeri kini berlakunya musim buah-buahan serentak khususnya durian dan perkara itu menyebabkan masalah lambakan dan kejatuhan harga yang mendadak sehingga ada di antara mereka mengalami kerugian.

"Bagi membantu nasib pekebun yang mengalami masalah lambakan ini, kerajaan negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (SADC) memperuntukkan RM 300,000 bagi membantu meringankan beban mereka," katanya.

Beliau berkata demikian ketika melakukan lawatan kerja dan menyerahkan 52 kotak makanan kepada penghuni di Apartment Tropicana, Bukit Merah yang masih dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di sini, hari ini.

Pekebun di kawasan PKPD yang mengalami masalah sama, beliau bagaimanapun berkata, kerajaan negeri belum memutuskan sebarang bentuk bantuan dan perkara itu akan dibincangkan.

Menurutnya, bagi membantu pekebun di kawasan daerah Larut, Matang dan Selama (LMS) Pusat Khidmat Dewan Undangan Negeri (DUN) Gunung Semanggol membeli sebanyak lima tan durian untuk diedarkan secara percuma kepada penduduk di sini dan petugas di sekatan jalan raya (SJR) seluruh Perak.

Terdahulu Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) membeli sebanyak lapan tan durian di Ijok, Selama bagi membantu pekebun dan peraih durian yang mengalami lambakan dan pasaran.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30.07.2021	SINAR HARIAN	NEGERI P.PINANG, PERLIS, PERAK	28

RM300,000 diperuntukkan tangani lambakan durian

BAGAN SERAI - Kerajaan negeri Perak memperuntukkan RM300,000 untuk membeli durian bagi membantu pekebun yang terjejas dengan lambakan buah itu di negeri ini, kata Pengerusi Jawatankuasa Perlindungan, Pertanian dan Industri Makanan negeri Razman Zakaria.



RAZMAN

Beliau berkata, langkah itu perlu kerana harga durian mengalami penurunan ketara selain setiap negeri mempunyai musim buah-buahan serentak menyebabkan peluang pasaran buah-buahan termasuk durian terjejas akibat kawalan pergerakan.

“Kita membantu pekebun dengan membeli buah-buahan itu (di beberapa lokasi) secara minimum kerana harga durian jatuh hingga RM1.50 sekilogram menyebabkan pekebun terjejas,” katanya pada sidang akhbar selepas menyerahkan kotak makanan kepada penduduk di Apartmen Tropicana Bukit Merah yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) sejak 17 hingga 30 Julai.

Razman berkata, inisiatif bantuan pembelian durian tersebut dilakukan terutamanya di kawasan sumber bekalan durian yang terjejas dengan PKPD.

Beliau berkata, Pusat Khidmat Dewan Undangan Negeri Gunung Semanggol juga akan membeli lima tan durian dari kawasan Trong, Bukit Gantang untuk diedarkan di sekatan jalan raya (SJR) di negeri ini bagi menghargai petugas barisan hadapan.

Sebelum ini Lembaga Pemasakan Pertanian Persekutuan (FAMA) turut membeli lapan tan durian di Ijok, Larut bagi mengatasi lambakan durian. - *Bernama*

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30.07.2021	HARIAN METRO	LOKAL	17

SUSULAN LAMBAKAN TIMUN BATANG

Fama Kelantan bantu pasar sayuran

Kota Bharu: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) Kelantan membantu memasarkan timun batang yang diusahakan dua beradik di Pasir Mas di sini, melalui Pusat Operasi Fama bermula semalam.

Pengarah Fama Kelantan, Wan Nora Wan Ahmad berkata, langkah itu diambil bagi membantu pengusah-timun batang yang buntu susulan berlaku lambakan sayur berkenaan sejak kebelakangan ini.

Katanya, Fama turut mengatur pasaran bagi memunculkan pemborong swasta dengan pengeluaran selain menyediakan ruang pasaran di

outlet peruncitan agar pengeluar dapat memasarkan sendiri hasil pertanian mereka.

"Selain itu, pengusaha timun batang terabit diminuta membuat laporan awal sekiranya berlaku lebihan hasil kepada pihak Fama bagi mengatasi masalah ini.

"Sementara itu, terdapat juga pemborong sayur dari negeri lain yang menghumbungi Fama untuk membeli hasil tani daripada pekebun. Jadi, pihak kami dapat mengatur supaya pasaran timun batang dapat diperluaskan.

"Pihak Fama turut mengemukakan senarai pemborong sayur-sayuran di Pusat

Transformasi Luar Bandar (RTC) Tunjong yang berpotensi selain menggalakkan usahawan berdaftar di dalam Program Ladang Kontrak MAFI 2.0," katanya.

Semalam, akhbar melaporkan kan dua beradik, Nik Azrin Nik Yaakub, 29, dan abangnya, Nik Izani Nik Yaakub, 46, yang juga pengusaha timun batang buntu selepas terpaksa membuang 1.5 tan hasil tanamannya setiap hari susulan berlaku lambakan dan tiada permintaan sayur berkeenaan di pasaran.

Mengulas lanjut, Wan Nora berkata, siasatan juga mendapati isu itu turut berlaku susulan Covid-19 dalam

kalangan pemborong di RTC manakala pasaran di Lembah Klang perlahan disebabkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

Sementara itu, Nik Azrin berkata, mereka bersyukur kerana masalah mereka mendapat perhatian pihak Fama selain berterima kasih kerana sudi memasarkan lambakan timun batang di kebun mereka.

"Kami turut menerima panggilan beberapa individu yang menyatakan hasrat membeli timun batang ini dalam kuantiti yang banyak selepas membaca artikel di akhbar," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30.07.2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	24

Durian murah akibat musim

Oleh WAT KAMAL ABAS dan
AIN SAFRE BIDIN
utusannews@mediamulla.com.my

IPOH: Asalkan boleh dijual. Itu yang dilakukan oleh peniaga durian di negeri ini yang terpaksa menjual durian pada harga sehingga serendah RM1.50 sekilogram.

Keadaan itu berpunca daripada lambakan buah durian yang luruh serentak selain musim panas ketika ini yang menyebabkan orang ramai kurang membeli.

Di Selama, durian kampung yang dijual oleh pekebun mencecah harga serendah RM1.50 sekilogram berbanding RM5 sekilogram sebelum ini.

Malah, keadaan semakin sukar bagi pekebun di empat buah kampung di Ulu Selama dekat sini, yang terlibat dalam pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) ketika ini.

Ia melibatkan Kampung Teluk Mas, Kampung Sungai Siputeh, Kampung Garok dan Kampung Tapah.

Pekebun durian di Ulu Selama, **Nazeri Mokhtar**, 45, berkata, dia tidak tahu bagaimana mahu menjual buah durian kepada pembeli atau peraih luar disebabkan PKPD yang dilaksanakan di kawasan ini.

"Disebabkan itu, buah durian



KEADAAN buah durian yang dijual murah sehingga RM20 sebakul di Teluk Intan semalam. - UTUSAN/AIN SAFRE BIDIN

mungkin rosak begitu sahaja dan saya hilang pendapatan," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia*.

Di Teluk Intan, peniaga menjual durian serendah RM2 sekilogram atau RM20 sebakul yang mengandungi lapan biji durian.

Peniaga, **Abdul Manan Mat Isa**, 55, berkata, kejatuhan harga itu disebabkan buah durian terlalu banyak.

"Ketika ini, asalkan buah terjual, itu sudah memadai. Buah durian terlampau banyak dan musim panas menyebabkan

sambutan kurang.

"Macam-macam cara kami lakukan asalkan buah terjual. Paling murah saya jual RM2 sekilogram termasuk buah yang elok," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Perlindungan, Pertanian dan Industri Makanan negeri, **Razman Zakaria** berkata, kerajaan negeri memperuntukkan sebanyak RM300,000 untuk membantu pekebun yang menghadapi masalah pemasaran durian.

"Durian jatuh serentak, ke-

sannya durian turun harga sehingga RM1.50 sekilogram dan ini sudah tentu membebankan pekebun," katanya selepas menyerahkan kotak makanan untuk 52 penghuni di Apartment Tropicana yang menjalani Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Bagan Serai semalam.

Menurut Razman, bagi membantu pekebun dan peraih durian di Daerah Larut Matang Selama, Pusat Khidmat DUN Gunung Semanggol akan membeli lima tan durian.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30.07.2021	BERITA HARIAN	NASIONAL	14



Dua beradik rugi RM2,000 sehari, 1.5 tan timun tak laku

Keratan akhbar BH, semalam.

FAMA pasarkan timun diusahakan dua beradik

Kota Bharu: FAMA Kelantan akan membantu memasarkan hasil lambakan timun diusahakan dua beradik di Pasir Mas, melalui Pusat Operasi FAMA.

Pengarah FAMA Kelantan, Wan Nora Wan Ahmad, berkata langkah itu diambil bagi membantu pengusaha timun memasarkan tanaman itu yang berlaku lambakan sejak kebelakangan ini.

Katanya, FAMA turut mengatur pasaran bagi mendapatkan pemborong swasta selain menyediakan ruang pasaran outlet peruncitan supaya pekebun dapat memasarkan hasil pertanian mereka.

"Selain itu, pengusaha timun terbabit diminta membuat laporan awal jika berlaku lebihan hasil kepada FAMA bagi mengatasi masalah ini. Ada pemborong sayur dari negeri lain menghubungi FAMA untuk membeli hasil tani dengan pekebun. Justeru, kami mengatur terus pasaran timun dapat diperluaskan.

"FAMA turut mengemukakan senarai pemborong sayur-sayuran di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Tunjong yang berpotensi, selain menggalakkan usahawan berdaftar dalam Program Ladang Kontrak MAFI 2.0," katanya dalam kenyataan, semalam.

Kelmarin, akhbar melaporkan dua beradik, Nik Azrin Nik Yaakub, 29, dan abangnya, Nik Izani Nik Yaakub, 46, yang juga pengusaha timun, buntu selepas terpaksa membuang 1.5 tan hasil tanamannya setiap hari susulan berlaku lambakan akibat tiada permintaan.

Mengulas lanjut, Wan Nora berkata, siasatan mendapati lambakan sayur itu berlaku susulan penularan COVID-19 dalam kalangan pemborong di RTC, manakala pasaran di Lembah Klang perlahan disebabkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

Sementara itu, Nik Azrin ketika dihubungi berkata, beliau bersyukur kerana masalah mereka mendapat perhatian FAMA yang berusaha untuk memasarkan lambakan timun mereka.

"Kami turut menerima panggilan beberapa individu yang menyatakan hasrat membeli timun kami selepas membaca laporan akhbar," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30.07.2021	BERITA HARIAN	NASIONAL	14

Lambakan buah-buahan

Perak sedia RM300,000 bantu pekebun

Bagan Serai: Kerajaan Perak memperuntukkan RM300,000 bagi membantu pekebun yang mengalami masalah lambakan buah-buahan terutama durian di negeri itu.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Perlindungan dan Industri Makanan Perak, Razman Zakaria, berkata langkah itu perlu kerana harga durian mengalami penurunan ketara susulan musim gugurnya hampir serentak dengan negeri lain.

Katanya, keadaan itu menyebabkan peluang pasaran buah-buahan termasuk durian terjejas akibat langkah kawalan pergerakan.

"Hampir setiap negeri kini mempunyai musim buah-buahan serentak khususnya durian dan perkara itu menyebabkan berlaku lambakan dan kejatuhan harga mendadak, sehingga pekebun kerugian."

"Susulan itu bagi membantu pekebun yang mengalami masalah lambakan ini, kerajaan negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (SADC) memperuntukkan RM300,000 bagi membantu meri-



Razman Zakaria (kiri) turut menyerahkan kotak makanan kepada anggota Angkatan Pertahanan Awam yang bertugas di luar Apartment Tropicana Bukit Merah, semalam. (Foto BERNAMA)

ngankan beban mereka," katanya. Beliau berkata demikian selepas melawat dan menyerahkan 52 kotak makanan kepada penghuni Apartment Tropicana, Bukit Merah yang dikenalkan Perintah Kawalan Pergerakan Di-

kan secara percuma kepada penduduk dan petugas di sekitar jalan raya seluruh Perak. Terdahulu, Lembaga Pemakanan Pertanian Persekutuan (FAMA) membeli sebanyak lima tan durian di Ipoh, Selama.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30.07.2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	27

'Sudah 30 tahun masalah lalat 'serang' kampung kami'

Oleh SHAMSUL
KAMAL AMARUDIN
utusannews@mediamula.com.my

LUMUT: "Setiap hampir dua bulan sekali, mesti lalat 'serang' kami sampaikan ada masa nak makan pun susah, belum sempat suap nasi, lalat dulu dah masuk dalam mulut".

Demikian cerita **Rashid Leman**, 51, salah seorang daripada hampir 800 penduduk Kampung Tualang dan Kampung Buruk Bakul, Beruas dekat sini, yang menghadapi masalah gangguan lalat tidak berkesudahan sejak kira-kira 30 tahun lalu.

Dia dan penduduk di dua kampung itu percaya masalah berpunca daripada perusahaan penternakan ayam yang masih menggunakan kaedah sistem terbuka, terletak kira-kira 600 meter dari penempatan penduduk.

Hampir 600 penduduk tinggal di 106 rumah di Kampung Tualang dan kira-kira 200 penduduk tinggal di 33 kediaman di Kampung Buruk Bakul.

Menurut Rashid, masalah gangguan lalat berlaku sekurang-kurangnya tiga minggu setiap 45 hari iaitu selepas perusahaan yang memiliki 16 reban itu menjual ayamnya.

Rashid kadangkala meletak-



PENDUDUK menunjukkan lalat yang diperangkap pada kertas perekat serangga di Kampung Tualang, Beruas semalam. - UTUSAN/SHAMSUL KAMAL AMARUDIN

kan sehingga 10 perekat perangkap lalat sekeliling rumah setiap hari tetapi gangguan lalat tetap berlaku seolah-olah serangga itu membiak setiap masa.

"Adik-beradik dan saudaramara pun tidak mahu datang ke sini dan kalau datang pun mereka tidak selesa mahu menjamah makanan, malah pernah orang luar datang keluar kereta sekejap terus masuk balik dalam kenderaannya apabila dihurung lalat," katanya di sini semalam.

Mohamad Amir Kasim, 47, pula memberitahu, penduduk

sudah berjumpa pengusaha ternakan ayam itu dan individu tersebut mendakwa sudah melakukan tindakan tertentu bagi mengurangkan masalah tetapi keadaan tetap tidak berubah.

Menurutnya, ternakan ayam itu mula beroperasi pada 1986 dan ketika itu rumah penduduk tidak sebanyak sekarang yang mana perusahaan sudah tidak sesuai lagi berada di kawasan kampung tersebut.

Bagi **Hamzah Md Nor**, 62, pula, masalah dihadapi bukan sahaja gangguan lalat tetapi bau

busuk najis ayam.

Ketua Kampung bagi kedua-dua kampung itu, **Abu Hassan Abdullah**, 68, berkata, isu tersebut sering menjadi agenda utama setiap kali mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) serta agensi kerajaan lain.

Jelasnya, aduan juga sudah diajukan banyak kali kepada wakil rakyat, Pejabat Daerah dan Tanah Manjung, Majlis Perbandaran Manjung, Pejabat Kesihatan Daerah, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV).

Kira-kira 800 penduduk sengsara masalah sejak 30 tahun lalu gagal diatasi

'Nak suap nasi, lalat masuk dulu'

Oleh SHAMSUL KAMAL
AMARUDIN

BERUAS - Kira-kira 800 penduduk di Kampung Tualang dan Kampung Buruk Bakul sengsara apabila masalah laiat yang mengganggu kehidupan mereka tidak berkesudahan sejak 30 tahun lalu.

Seorang penduduk, Rashid Leman, 51, berkata, penduduk di dua kampung itu percaya masalah berkenaan berpunca daripada ternakan ayam yang terletak kira-kira 600 meter dari penempatan penduduk.

Terdapat kira-kira 600 penduduk tinggal di 106 rumah di Kampung Tualang dan kira-kira 200 penduduk tinggal di 33 kediaman di Kampung Buruk Bakul.

"Setiap dua bulan sekali, mesti lalat 'serang' kami sampaikan ada masa nak makan pun susah, belum sempat siap nasi, lalat masuk dulu dalam mulut," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Menurut Rashid, gangguan alat akan berlaku sekurang-kurangnya selama tiga minggu iaitu selepas perusahaan yang



(DARI Kiri) Abu Hassan bersama Hamzah Md Nor, Mohamad Amir dan Rashid menunjukkan alat yang mengantui kehidupan mereka sejak 30 tahun lalu di Kampung Tualong, Beruas semalam.

memiliki 16 reban itu menjual ayamnya dalam tempo tersebut.

"Adik beradik dan saudara mara pun tidak mahu datang ke rumah kami dan kalau datang pun mereka tidak selesa mahu menjamah makanan.

"Pernah orang luar datang ke luar kereta sekejap terus masuk balik dalam kenderaannya apabila dihurung jalat," ujarnya.

Penduduk lain, Mohamad Amir Kasim, 47, pula memberitahu, mereka sudah berjumpa

pengusaha ternakan ayam itu dan beberapa langkah telah diambil tetapi keadaan tetap tidak berubah.

"Ternakan ayam itu mulai beroperasi pada 1986 dan ketika itu sudah penduduk tidak sebanyak

sekarang. Kami percaya perusahaan itu sudah tidak sesuai lagi berada di kawasan kampung ini," ujarnya.

Sementara itu Ketua Kam-pung Abu Hassan Abdullah, 68, berkata, isu tersebut menjadi agenda utama setiap kali mesyuarat diadakan selain adu-an kepada pemimpin politik teta-pi tiada penyelesaian.

Sementara itu, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Manjung (MPM), Syamsul Hazeman Md. Salleh menegaskan pihaknya memerlukan aduan berkaitan dan telah merujuk masalah itu kepada JPP Daerah Manjung.

"Kami juga telah membuat pemeriksaan termasuk memberi notis serta tempoh penambahbaikan pengurusan reban bagi kawasan yang telah mendapat lesen JPY.

"MPM mencadangkan supaya tindakan penguatkuasaan diambil oleh JPV bagi membendung isu dan aduan yang berpunca dari aktiviti perdagangan ayam di bawah Enakmen Perdagangan Unggas 2005", ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	muka surat
30.07.2021	BERITA HARIAN	NASIONAL	17

Lebih 30 tahun penduduk berdepan 'serangan' lalat

Beruas: "Sampai bila kami harus hidup bersama lalat? Kami sudah lama bersabar tetapi masalah ini tetap tidak menemui jalan penyelesaian," keluh penduduk Kampung Tualang, di sini, Hamzah Md Nor.

Hamzah, 62, antara 800 penduduk Kampung Tualang dan Kampung Buruk Bakul, di sini, hidup dalam keadaan tidak selesa akibat gangguan lalat.

Masalah lalat itu dipercayai berpunca dari reban ternakan ayam secara terbuka kira-kira 800 meter dari penempatan penduduk sejak lebih 30 tahun lalu.

Hamzah berkata, mereka juga terpaksa menghidu bau najis haiwan berkenaan, terutama pada sebelah malam dan selepas hujan, malah tidur siang juga sering terganggu dengan kehadiran serangga itu.

Katanya, mereka sudah membawa perkara itu kepada pentadbiran jabatan berkaitan, namun ia belum menemui jalan penyelesaian terbaik.

"Saya menggunakan antara 10 hingga 15 keping pelekak la-



Muhamad Amir (kanan) dan Rashid Leman menunjukkan lalat yang terperangkap pada pelekak di Kampung Tualang, Beruas, semalam.

(Foto Nor Hidayah Tanzi/BNH)

lat sehari dan sudah lama kami hidup dalam situasi ini. Malah terpaksa tebakkan muka dengan saudara atau kenalan yang datang bertandang ke rumah.

"Kami sudah tidak tahan berdepan dengan 'serangan' lalat. Kehadiran lalat ditambah dengan jumlahnya yang terlalu

"Gangguan lalat juga mengganggu emosi, hingga mahu memasak pun hilang 'mood' kerana belum lagi sempat letak ikan, lalat dahulu hinggap.

"Walaupun pintu dan tingkap ditutup, lalat tetap masuk ke dalam rumah dan kami juga tak boleh terputa menutup makanan kerana sekejap sahaja lalat akan hinggap," katanya.

Dia berharap reban itu ditutup dan pengusaha disaran mencari lokasi baharu yang lebih jauh kira-kira lebih 10 kilometer dari penempatan penduduk.

Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JKKK) kampung terbabit, Abu Hassan Abdullah, 68, berkata sudah banyak kali masalah itu dibangkitkan dalam mesyuarat, namun belum ada penyelesaian terbaik.

Katanya, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Pengkalan Baru, Datuk Abd Manaf Hashim juga sudah membawa aduan berkenaan kepada pihak berkaitan untuk tindakan lanjut. Sementara itu, Yang Dipere-

tua Majlis Perbandaran Manjung (MPM), Syamsul Hazman Md Salleh, berkata pihaknya sudah melakukan semakan bersepadu bersama Jabatan Veterinar Daerah Manjung selaku agensi utama pengawalan lesen ternakan haiwan susulan aduan diterima.

Katanya, Unit Kawalan Vektor MPM turut melakukan langkah kawalan dan pencegahan (jangka pendek) dengan melaksanakan aktiviti semburan fogging di sekitar kawasan perumahan berkenaan.

"Kaedah ini sebagai usaha mengurangkan kehadiran lalat lalat ke kawasan perumahan.

"Kami membuat semakan di lapangan bertubung operasi reban ayam dan memberi notis serta tempoh penambahbaikan pengurusan reban dalam tempoh ditetapkan bagi kawasan yang sudah mendapat lesen jabatan veterinar," katanya.

Beliau berkata, sebanyak 26 notis sudah dikeluarkan, termasuk di kawasan aduan yang dimaksudkan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30.07.2021	SINAR HARIAN	NASIONAL	11

Pulau Pinang mengembangkan pusat nelayan untuk bantu rakyat

GEORGETOWN - Kerajaan Negeri Pulau Pinang sedang mengembangkan Pusat Perkhidmatan Setempat Nelayan (PPSN) di Bayan Lepas untuk menjaga kepentingan komuniti nelayan dan masyarakat setempat.

Projek pembesaran yang melibatkan pembinaan PPSN baharu di Sungai Batu dan kerja menaik taraf PPSN Permatang Damar Laut serta Cetak Sanggul ini akan memperkasakan peranan PPSN sebagai pusat seteru untuk semua urusan, komunikasi berkaitan nelayan, selain memberi peluang perniagaan kepada kontraktor tempatan.

Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Ahmad Zakryuddin Abdul Rahman berkata, sebagai pengantara rakyat dan kerajaan

negeri, PPSN menangani maklum balas nelayan bermabung dengan Projek Tambakan Selatan Pulau Pinang (PSR).

"Projek pembesaran ini akan mempertingkatkan mutu perkhidmatan PPSN untuk manfaat komuniti nelayan dan ahli masyarakat selatan Pulau Pinang," katanya yang juga Pengerusi Jawatankuasa Taskforce Nelayan.

PPSN yang pertama dibuka di Permatang Damar Laut pada tahun 2016, disusuli PPSN di Cetak Sanggul setahun kemudian. PPSN adalah salah satu syarat Laporan EIA (Kajian Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) projek PSR yang diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar pada tahun 2019. Projek PSR adalah pembangunan milik Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Nelayan dan orang ramai boleh mendapatkan maklumat yang tepat dan sahih mengenai PSR daripada PPSN. PPSN juga membantu kerajaan negeri melaksanakan Pelan Pengurusan Alam Sekitar dan Pelan Pengurusan Impak Sosial (SIMP) yang memberi manfaat kepada komuniti



MOHD KAMAL

Projek PSR adalah projek jangka masa panjang. Hari ini, saya mendapat projek, mungkin esok lusa rakan saya pula."

menanggung kerugian bernilai puluh ribu ringgit malah nasibnya ibarat jatuh ditimpa tangga apabila PKP 1.0 dilaksanakan.

"Saya menghabiskan wang simpanan untuk membeli barang keperluan dan membayar bil. Saya sangka keadaan akan kembali normal apabila kes Covid-19 menurun, malangnya semakin teruk selepas pilihan raya di Sabah," katanya yang bekerja sebagai kontraktor sejak berusia 18 tahun.

Mohd Kamal menangkap ikan secara sambilan dan menjual lemak semasa musim perayaan untuk menyara keluarga. Dia menyambut baik projek PSR yang dapat mewujudkan peluang perniagaan dan pekerjaan kepada orang tempatan di selatan Pulau Pinang.

"Projek PSR adalah projek jangka masa panjang. Hari ini, saya mendapat projek, mungkin esok lusa rakan saya pula."

"Saya harap dengan adanya peluang perniagaan dan pekerjaan secara berterusan, ekonomi akan pulih dan bertambah baik," katanya.

Sementara itu, kontraktor tempatan yang akan membina PPSN Sungai Batu, Mohd Kamal Abdullah, 39, bersyukur kerana mendapat kontrak setelah perniagaannya lama terjejas sebelum penularan Covid-19 lagi. "Syarikat kecil macam kami tidak menggunakan subkontraktor, kami urus sendiri semua kerja binaan. Projek PPSN Sungai Batu ini memberi peluang saya dan pekerja jana pendapatan," katanya. Syarikat kontraktor ini mula menghadapi masalah sejak 2018 apabila pelanggan gagal membayar setelah perkhidmatannya.

Pada masa sama dia perlu membuat pembayaran kepada pembekal bahan binaan supaya syarikatnya tidak diseraai hutang selain perlu melunaskan gaji pekerja. Mohd Kamal terpaksa



Pembinaan PPSN yang baharu bakal memudahkan lagi nelayan dan masyarakat setempat berurusan.